

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 3 RABU 21 JANUARI, 1970 1389 ذوالقعيد رابو 13 PERCHUMA

BRUNEI DI-ANCHAM PENYAKIT KOLERA TUJUH KEJADIAN DI-LAPORKAN KA-RUMAH SAKIT

BANDAR BRUNEI. — Kolera telah di-istiharkan menyerang Brunei berikutan dengan pengesanan berlaku-nya tujuh kejadian di-Daerah Brunei dan Muara.

Dengan kuat kuasa Undang2 Karantina dan Pencegahan Penyakit, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengistiharkan kelamarkan bahawa satu penyakit berjangkit dan merbahaya sedang berlaku di-kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Brunei, Dato Dr. P. I. Franks dalam satu siaran khas

menyatakan bahawa pesakit2 itu datang-nya dari tujuh buah kampung termasuk dari kawasan Limbang, Sarawak.

Kampung pesakit2 itu ia-lah Kampung Lambak, Batu 6, Jalan Berakas; Kampung Rangau Baharu; Kampung Saba Tengah; Kampung Pangkalan Batu; Kampung Siamas; Kampung Setia dan Kampung Sebukang, Limbang, Sarawak.

Dato Dr. Franks berkata, untuk menchehag dari merebak, maka pasokan2 perubatan dari Jabatan Kesihatan akan segera di-hantar ka-kawasan2 yang diserang kolera itu.

Beliau menasihatkan penduduk2 yang tinggal di-kawasan2 yang di-serang oleh penyakit itu supaya tinggal dalam kampung mereka dan tidak dibenarkan melawat sahabat handai atau saudara mara yang luar dari kampung mereka.

Kedai2 makan di-kawasan bandaran Daerah Brunei Muara di-nasihatkan supaya di-tutup buat sementara waktu termasuk restoran2, gerai2 makan, kedai2 kopi, kedai2 membuat roti, kilang2 membuat minuman, kedai2 ice-cream, tempat2 menjual barang2 makanan dan minuman, semua kanten dan ke-

dai2 di-sekolah2 yang menjual barang2 makanan dan minuman serta kanten2 jabatan2 Kerajaan.

Mereka hanya akan di-benarkan meneruskan perniagaan mereka sa-lepas mendapat surat kebenaran menjual makanan dari Pegawai Perubatan dan Kesihatan.

Sekatan2 jalan raya di-kenakan di-Sengkuring mulai pagi ini dan barang2 makanan yang chepat busok dari Daerah Brunei Muara tidak akan di-benarkan di-bawa melalui tempat itu.

DUA ORANG DI-KURNIAKAN GELARAN "CHETERIA"

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Cheteria kepada dua orang raayat Baginda dalam dua istiadat yang berasingan yang berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Rabu dan Isnin lepas.

Dalam istiadat yang telah diadakan pada hari Rabu, 14 Januari, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengurniakan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Sahibol Irshad kepada Yang Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Chirj gelaran dalam istiadat tersebut telah di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khattib Awang Haji Mohammad Said.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-saksikan oleh pembesar2 negara termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruh-



Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika menjunjung gelaran tersebut.

Pengarah DBP seru kaum intelek supaya menyalorkan ilmu mereka melalui penulisan

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat, P.O.K. Amar Diraja Dato Utama, (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri telah menyatakan kesal-nya terhadap penulis2 tempatan yang semakin kurang giat melahirkan karya2 mereka.

Beliau menyangkal alasan2 yang penulis2 Brunei kurang aktif itu ia-lah di-sebabkan kekurangan bahan2 penulisan dan ketiadaan penyaluran di-negeri ini

Dalam satu pertemuan khas dengan Pelita Brunei, Pengarah DBP itu berkata bahawa masalah bahan penulisan tidak akan di-timbulkan sa-bagai satu sebab utama, tetapi yang penting sekali ia-lah bakat dan kemahuan penulis itu sendiri.

"Penulis yang berbakat dan berkemahuan tidak mudah kering dengan bahan2 penulisan-nya, kerana sa-tiap gerak laku manusia, tumbuh2an, keadaan keliling-nya dan keadaan makhlok2 yang lain yang di-lihat-nya akan segera menggamit rasa seni-nya untuk di-jadikan bahan penulisan", ujar beliau.

(Lihat Muka 8)

Empat orang penuntut lanjutkan pelajaran ka-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai empat orang penuntut Brunei di-jadualkan berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad 25 Januari ini untuk melanjutkan pelajaran mereka atas biasiswa kerajaan.

Mereka ia-lah Dayang Siti Afsah binte Abdul Halim, Awang Yusra bin Abdul Halim, Awangku Mohammad Zain bin Pengiran Damit, dan Awang Johari bin Abdul Hamid.

Dayang Siti Afsah akan mengambil jurusan jururawat selama lima tahun di-Royal United Hospital, Bath, Awang Yusra, Awangku Mohammad Zain dan Awang Johari akan melanjutkan pelajaran

dalam perkara 'A' level di-Cambridge Tutors, Surrey bagi membolehkan mereka memasuki universiti.

Ketiga2 penuntut itu ada-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah lulus peperiksaan Sijil Seberang Laut.

Sementara itu, pada hari Isnin lepas, tiga orang penuntut telah berlepas ka-Singapura untuk menyambung pelajaran mereka di-Sekolah Tun Seri Lanang.

Mereka ia-lah Awangku Idris bin Pengiran Haji Bakar, Dayang Normiah binte Kassim dan Dayang Normah binte Mohammad Yassin.

PE MAJALAH SULONG TERBITAN MUZIUM BRUNEI

BANDARAH ANDAR BRUNEI. — Muftak muzium Brunei telah menerbitkan sa-buah majalah yang berchorak akademik.

Penyelenggara Muzium, P. M. Sharifuddin berkata, majalah yang julong2 kali-nya diterbitkan itu boleh di-beli di-

Jentera pengisar padi peladang Luagan Dudok mula di-gunakan bulan depan

TUTONG. — Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok di-Daerah Tutong akan mulai menggunakan jentera pengisar padi-nya dalam bulan depan.

Yang Di-Pertua Persatuan, itu, Awang Ali bin Haji Mokti berkata, ini telah di-putuskan oleh mashuarat yang telah diadakan di-Balai Raya kampong itu pada hari Juma'at 16 Januari lepas.

Mashuarat itu juga membincangkan ranchangan untuk mengadakan kawasan rumput bagi kerbau2 persatuan itu.

Awang Ali berkata, jentera pengisar padi yang berharga \$5,000 itu ada-lah sangat berfaedah kepada ahli2 persatuan itu kerana ia-nya akan memberikan mereka kemudahan2 mengisar padi.

Beliau berkata, kilang itu juga akan menjimat masa dan wang kerana ia-nya di-tempatkan di-tengah2 kampong itu.

Untuk perbelanjaan menyelenggarakan kilang itu ahli2 persatuan itu akan dikenakan bayaran enam sen bagi mengisar tiap2 sa-gantang padi.

Dua orang pegawai Pertanian berkursus di-M'sia

BANDAR BRUNEI. — Dua orang mekenik kanan Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk menjalani kursus mengenai chara2 memelihara dan membaiki jentera pembajak dan penggunaan-nya di-United Manufacturers Berhad, Kuala Lumpur sa-lama sabulan.

Mereka ia-lah Awang Abidin bin Awang dan Awang Durahim bin Sagam.

Pengarah Pertanian, Awang

Pejabat Muzium dan di-kedai2 buku di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait dengan harga \$10.00.

Beliau berkata, tujuan menerbitkan majalah sa-rupa itu ia-lah untuk memperkenalkan kepada dunia luar tentang keindahan Negeri Brunei dan ia-nya akan di-terbitkan pada tiap2 tahun.

Thema2 utama dalam keluaran sulong itu ia-lah berkenaan dengan sejarah Brunei, adat istiadat, kebudayaan dan perkara2 yang menarik perhatian mengenai haiwan.

Di-samping itu, ia-nya juga mengandogi renchana yang menarik perhatian mengenai negara2 tetangga dan lain2 di-rantau Asia Tenggara.

P. M. Sharifuddin, berkata, renchana2 dalam majalah itu ada-lah sumbangan chendekiawan2 dalam perkara2 yang tertentu.

Pegawai2 JHEU perhati pentadbiran zakat dan fitrah


BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Isnin lepas untuk memerhati pentadbiran zakat dan fitrah di-Malaysia.

Dua orang pegawai itu, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak, Kadhi Daerah Belait dan Awang Haji Mohamed Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar Setiausaha Baitul Mal.

Semasa berada di-sana mereka akan melawat pejabat2 Hal Ehwal Ugama di-Kedah Kelantan, Selangor dan Singapura.

K. G. Malet berkata, oleh kerana jabatan-nya mempunyai banyak jentera2 pembajak yang memerlukan pemeliharaan, sebab itu ada-lah mustahak untuk melateh kaki-tangan dalam kerja membaiki dan pemeliharaan jentera2 tersebut.

Awang Malet berharap kedua2 orang pegawai itu akan menggunakan ranchangan latihan itu sa-penoh-nya dan apabila pulang nanti akan menjadi ahli2 mekenik yang terlatih.



Gambar menunjukkan majalah yang baru di-terbitkan itu.

M. B. di-lantek sa-bagai penaong Persekutuan Peladang

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman telah di-lantek oleh Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei sa-bagai penaong2 bagi persekutuan itu bagi tahun 1970/1971.

Keputusan ini telah di-ambil dalam Mashuarat Agong Persekutuan itu kali yang ke-4 yang berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan pada 9 Januari lepas.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet maseh tetap menjadi penasihat kepada persekutuan itu.

Jawatankuasa Tadbir bagi perkhidmatan tahun 1970/1971 yang lain ada-lah saperti berikut:

Yang Di-Pertua, Awang Suhaimi bin Haji Ismail.

Timbalan Yang Di-Pertua, Awang Rosli bin Omar; Setia Usaha Agong, Awang W. G. Agne; Timbalan Setia Usaha Agong, Awang Talib bin Meramit; Bendahari Kehormat, Nayan bin Gambor; Pemereksa Kira2, Awang Michael Thian dan Awang Asmat bin Hidup.

Jawatankuasa Tadbir bahagian Daerah Brunei dan Muara ia-lah Awang Manaf bin Jambol dan Awang Salleh bin Bungkol. Bahagian Daerah Belait ia-lah Awang Haji Ali bin Bakar dan Awang Salleh bin Samad. Bahagian Daerah Tutong ia-lah Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim dan Awang Md. Noor bin Abang Mohamad.

Pemilihan bagi jawatan kuasa Daerah Temburong telah di-gantungkan kerana ahli2 dari daerah itu hanya 1/3 sahaja yang hadir dalam mashuarat tersebut.

Ramai peladang2 menggunakan jentera pembajak

BANDAR BRUNEI. — Lima ratus empat puluh tiga orang penanam padi di-Daerah Brunei Muara telah menggunakan jentera pembajak dalam tahun lepas untuk menyediakan tanah bagi tanaman padi.

Sa-orang juruchakap jabatan pertanian berkata, sawah padi seluas 963 ekar di-daerah itu telah di-kerjakan dengan chara ini dan 21 buah jentera pembajak telah di-gunakan.

Di-Daerah Tutong jentera2 pembajak telah di-gunakan untuk mengerjakan sawah seluas 490 ekar oleh 299 orang penanam padi.

Juruchakap itu berkata, angka bagi Daerah Belait dan Temburong belum lagi diperolehi tetapi ada-lah dijangka tidak kurang menggalakkan.

Jentera2 pembajak jabatan itu terdiri dari 22 buah jenis Kobota, 25 jenis Iseki dan 4 buah Satoh.

Jentera Satoh, yang baru di-beli oleh jabatan itu dan yang terbesar sekali ada-lah sesuai bagi tanah paya.

Jentera pembajak Satoh juga di-lengkapkan dengan alat yang membolehkan-nya berjalan sa-chara undor.

BERSEMPENA dengan upacara pembukaan rasmi Pusat Belia di-Bandar Brunei yang telah berlangsung pada 20 Disember 1969 yang lalu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengeluarkan sa-buah buku chenderamata. Di-Dalam buku tersebut yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei telah menulis didalam kata2 aluan-nya antara lain:

"Belia2 yang sifat-nya mempunyai semangat yang berkubar2, mempunyai pendapat2 dan teori2 yang indah, sukakan chogan2 kata yang membakar semangat dan yang seumpama-nya, termasuk-lah penuntut2 yang ingin mencheborkan diri ka-dalam perjumpaan2 yang riah rendah serta kegiatan2 yang belum menjadi lapangan mereka hingga boleh mengganggu kemajuan mereka dalam lapangan pelajaran, ada-lah merupakan keadaan yang baik bagi sa-suatu pihak untuk menekankan pengaruh-nya atau memberi kesan kepada belia2".

Tulisan tersebut khas-nya mengenai dengan belia2 belasan tahun atau penuntut2 yang ingin serta suka menchamponkan diri ka-dalam perjumpaan yang riah rendah, patut-lah diambil perhatian yang berat oleh masyarakat kita sekarang ini, kerana tidak-lah dapat dinafikan lagi bahawa-nya ada sa-bahagian belia2 belasan tahun atau penuntut2 yang sedang di-rasok oleh perjumpaan yang riah rendah itu.

Yang di-maksudkan dengan perjumpaan yang riah rendah itu, termasuk-lah perjumpaan yang bebas di-antara lelaki dan perempuan dalam suasana yang romantik seperti perjumpaan di-waktu malam dalam sa-buah bangunan dengan lampu yang samar2 di-sulami

dengan irama yang ranchak dan juga mengkhayalkan dimana tarian2 yang berdakap2 di-antara lelaki dengan perempuan dan kadang2 di-sulami dengan minuman2 yang memabokkan, Perjumpaan seperti itu kadang2 berakhir hingga dini hari dan kadang2 sehingga terdengar kokok ayam hampir menjelang subuh.

Perjumpaan yang seperti itu di-adakan kerana menyambut atau mera'ikan hari2 yang tertentu termasuk-lah kerana menyambut hari jadi, mera'ikan teman2 yang akan belajar keluar negeri atau merayakan kerana lulus di-dalam peperiksaan dan lain2 lagi.

Perjumpaan2 yang riah rendah seperti ini di-perchayai ada-lah pengaruh dari luar

dan pengaruh seperti ini tidaklah menyenangkan, khas-nya kepada ibu bapa dan penjaga2 penuntut yang bertanggungjawab, kerana akibat-nya adalah burok, salah satu daripadanya ia-lah ibu bapa sentiasa merasa risau dan gelisah akan anak2 perempuan mereka, kerana kanak2 perempuan dalam umur belasan tahun maseh terlalu mentah untuk memikirkan akibat2 daripada perjumpaan riah rendah yang perasaan mereka menyukainya itu. Ibu-bapa yang bertanggungjawab - jiwab tertunggu2 hingga jauh malam akan kepulangan anak2 perempuan mereka dan di-antara perkara yang mereka fikirkan ia-lah kesihatan anak itu, persekolahan atau pelajaran anak itu, akhlak anak itu dan kehormatan anak itu.

Perkara seperti ini lebeh rapat hubongannya dengan sekolah kerana sekolah bukan sahaja merupakan tempat belajar dan mengejar ilmu pengetahuan, bukan saja tempat menyuburkan jasmani dan kesihatan, tetapi sekolah juga mempunyai tugas untuk memberi perhatian kepada penuntut2-nya berhubung dengan

nilai akhlak yang tinggi, berbong dengan batas2 yang patut di-hormati sesuai dengan keadaan sa-suatu masyarakat dan lebeh jauh sekolah juga khas-nya di-Brunei menghormati ajaran2 Ugama rasmi negara.

Maka ada-lah terlalu malang jika sekira-nya ada di-antara sekolah di-negara ini tidak mengindahkan perkara2 yang tersebut dan hendak-lah difahamkan bahawa Brunei sa-buah negeri yang menjunjung Islam sa-bagai Ugama rasmi dan merupakan negara Asia yang mempunyai dan menghormati nilai2 akhlak dan batas2 yang tertentu.

Dalam pada itu ibu bapa dan penjaga2 hendak-lah mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini, bagitu juga belia2 dan penuntut2 yang akan menjadi tunggak negara ini di-masa yang akan datang dan ada-lah di-serukan kepada belia2 dan penuntut2 supaya kamu menjadi pemuda2 dan pemudi2 yang akan bangun membena Negara Brunei Darus-Salam dengan penoh ilmu pengetahuan dan tanggungjawab serta beriman kepada Tuhan yang menjadikan kita.

Lebeh 300 orang mendaftar untuk belajar di-kelas2 dewasa

BANDAR BRUNEI. — Lebeh dari tiga ratus orang telah mendaftar nama untuk belajar di-kelas2 dewasa Trengkas, Menaip dan pelajaran bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Pular Alak dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Pelajaran berkata, penuntut2 yang sudah mendaftarkan nama untuk belajar Trengkas dan Menaip akan di-panggil belajar tidak berapa lama lagi.

sesudah kelas2 itu di-susun semula.

Mereka yang ingin belajar bahasa Melayu, Tiong Hwa, Jepun, Hindi dan Peranchis dan lain2 pelajaran dewasa boleh-lah mendapatkan borang2 dari Jabatan Pelajaran di-Bandar Brunei.

Kelas dewasa itu juga telah di-buka di-seluruh negeri dan mereka yang ingin belajar boleh-lah berhubung dengan penyelia di-daerah masing2.

Peraduan pakaian asli anjoran PERANGKAP

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan Angkatan Belia Burong Pinggai Berakas PERANGKAP merancang akan mengadakan peraduan pakaian asli, bertempat di-Pusat Belia Bandar Brunei pada 27 Februari akan datang.

Pengurus jawatankuasa peng-anjor Awang Wahab bin Tengah berkata, peraduan itu ha-gia terbuka kepada ahli2 per-satuan2 belia di-negeri ini.

Peraduan itu ada-lah salah satu daripada projek tahunan PERANGKAP dan di-adakan sempena menyambut Hari Raya Haji.

Borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari pengurus-nya, di-alamatkan di - Jabatan Kebajikan Bandar Brunei dan ia-nya hendak - lah di - kembalikan menjelang akhir bulan ini.

"RASOKAN" PERJUMPAAN RIOH RENDAH

KHUTBAH JUMA'AT

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Jan. 1970 hingga ka hari Selasa 27 Jan. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
21 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-00 6-35
22 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
23 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
24 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
25 Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
26 Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36
27 Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KOLERA DI-BRUNEI

TUJOH kejadian penyakit telah di-siasat dan di-dapati sa-bagai kolera dan sedang di-berikan rawatan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Daerah Brunei dan Muara telah di-ishtiharkan, dari segi antara-bangsa, sa-bagai kawasan yang di-serang wabak kolera.

Pesakit2 itu datang-nya dari kampong2 yang berikut:—

- Kampong Lambak, Batu 6, Jalan Berakas.
- Kampong Rangau Baharu.
- Kampong Saba Tengah.
- Kampong Pangkalan Batu.
- Kampong Siamas.
- Kampong Setia.
- Kampong Sibukang, Limbang, Sarawak.

Sa-bagai yang ternyata di-sini bahawa salah sa-orang dari pesakit ini datang-nya dari Limbang, Bahagian 5, Sarawak. Pegawai Perubatan Limbang telah di-beritahu.

Ada-lah tugas kami untuk menchegehah penyakit yang dahshat ini dari merebak dan mendapatkan rawatan segera bagi sesiapa pun yang kelihatan mengidap penyakit ini.

Semua kejadian terok muntah berak mesti-lah di-adukan serta merta kapada kelinik yang berhampiran sekali supaya Jabatan Kesihatan dapat menguasai-nya dan juga menentukan sama ada pesakit2 itu mengidap penyakit kolera.

Penduduk2 yang tinggal di-kawasan yang di-serang oleh penyakit kolera ada-lah di-minta tinggal dalam kampong mereka dan jangan melawat sahabat handai atau saudara mara yang di-luar dari kampong mereka kerana mereka boleh jadi bertanggung jawab merebakkan penyakit ini. Kita mesti-lah mengambil semua langkah berjaga2 sa-berapa yang boleh. Jabatan Kesihatan akan menghantar pasokan2 perubatan ka-semua kawasan2 yang di-serang kolera.

Sekarang saya ingin memberitahu tuan2 tentang chara bagaimana tuan2 dapat menjaga diri tuan2 dari serangan kolera. Selalu-nya tidak-lah begitu mudah untuk memahami kenapa perkara2 ini ada-lah perlu, tetapi saya minta tuan2 memperchayai-nya dan choba melakukan-nya.

Perhatian berat mesti-lah di-berikan terhadap makanan tuan2. Semasa terdapat bahaya dari penyakit ini, semua makanan mesti-lah di-masak sebelum di-makan, dan semua ayer di-masak sebelum di-minum. Penyakit ini boleh menjangkit menerusi makanan dan ayer tetapi memasak-nya boleh menghapuskan-nya.

Ada-lah juga sangat penting bahawa tuan2 hendak-lah menchuchi tangan sebelum makan, dan pinggan2 serta lain2 perkakas yang di-gunakan bersama makanan mesti-lah di-hangatkan di-atas api sebelum menggunakan-nya.

Sa-barang sampah sarap mesti-lah di-bakar atau sekurang2-nya di-tanam. Jika tuan2 tidak berbuat demikian, lalat2 akan membiak; lalat2 boleh membawa penyakit. Jika di-kawasan tuan2 banyak lalat, tolong adukan ka-pada Jabatan Kesihatan dan Perubatan dan kami akan choba menghapus-kan-nya.

Akhir sekali, semua orang boleh di-perlindungan dari penyakit ini de-ngan di-berikan suntikan ubat kolera. Ubat ini boleh tahan sa-chara berkesan sa-lama 6 bulan. Sesiapa yang telah di-beri suntikan lebeh dari 6 bulan dulu atau sesiapa yang belum lagi di-berikan perlindungan sa-demikian, mesti-lah mendapatkan suntikan.

Pusat suntikan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei, ada-lah di-buka sekarang. Mulai dari 21hb. Januari, 1970. Pusat2 di-bawah ini dapat mem-berikan suntikan:

- ★ Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.
- ★ Klinik di-Kampong Perpindahan.
- ★ 2 buah Klinik Kerajaan di-Kampong Ayer.
- ★ Doktor Terbang.
- ★ Pegawai Perubatan, Ashkar Melayu Diraja Brunei.

LANGKAH2 DI-AMBIL OLEH KERAJAAN

Kita meminta kerjasama orang ramai serta memahamkan langkah2 yang di-ambil oleh Kerajaan bagi mencheegah merebak-nya Penyakit Kolera. Tujoh kejadian telah berlaku dan di-rawat di-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei.

Semua orang yang pergi dari Daerah Brunei dan Muara ka-Tutong, Seria dan Kuala Belait ada-lah di-kehendaki membawa sijil suntikan kolera yang sah.

Sekatan2 akan di-adakan di-jalan raya mulai dari 21 Januari 1970, bagi memereksa sijil2 suntikan itu.

Kedai2 makan, restoran2 dan penjaja2 akan di-larang bagi sementara ini dari menjalankan perniagaan sa-hingga mereka sudah di-pereksa oleh Jabatan Kesihatan. Lepas itu mereka akan di-beri sijil kelulusan dan di-benarkan menjalankan perniagaan mereka. Perniagaan sa-umpama itu ada-lah mustahak di-pereksa supaya menetapkan kebersehan kerana menentukan ba-hawa semua orang yang menjalankan kerja itu ada-lah bebas dari terkena penyakit itu dan telah di-beri suntikan kolera. Orang ramai ada-lah di-ingat-kan bahawa dalam masa penyakit tersebut berlaku di-Brunei dalam tahun 1965, langkah2 yang demikian ini ada-lah berkesan bagi menghapuskan me-rebak-nya penyakit kolera itu dalam masa yang singkat.

Sa-lain dari apa yang di-nyatakan di-atas, orang ramai ada-lah di-minta mengambil berat tentang kebersehan sa-bagaimana di-siarkan melalui radio, dan juga pergi bersuntik bagi mencheegah kolera.

(DATO DR. P. I. FRANKS)
Pengarah Perubatan dan Kesihatan,
Brunei.



21hb. Januari 1970.

DEWAN BAHASA DENGAN "BAHANA"-NYA

RANCHANGAN hendak menerbitkan sa-buah majalah yang betul2 mendokong bahasa, sastera dan budaya tanah ayer sudah lama terpendam di-sanubari sa-tiap pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Malah dalam cherita2 TUJUAN DAN DASAR Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei ada terchatet hitam-putih maksud tersebut.

Demikianlah suatu penekanan tegas dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat P.O.K. Amar Diraja Dato Utama, (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri dalam kata sambutan-nya dalam keluaran sulung majalah Bahana yang terbit pada 1 Jun. 1966.

Beliau juga menegaskan bahawa kuat-nya dorongan untuk menerbitkan majalah Bahana sa-bahagian besar-nya ada-lah berdasarkan kepada tagehan raayat yang inginkan ujud-nya sa-buah majalah yang memperjuangkan bahasa, sastera dan budaya kita.

Pada umum-nya tagehan2 sa-umpama itu di-leluskan dari keinsafan yang mendalam yang sudah tentu-nya siap sedia untuk memberikan khidmat2 yang di-perlukan. Orang2 yang menageh2 itu dengan tidak sa-chara langsung mahukan ujud-nya sa-buah saluran bakal mereka memburah idea2 bagi mendauletakan bahasa, sastera dan budaya melalui tulisan2 dari buah tangan mereka sendiri.

Bagi mengharapakan khidmat mereka itu termasuk dari kaum intelek tempatan, awal2 lagi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mengalu2kan bantuan "keilmuan dan kejuruan."

Kelimat ini bukan-lah dimaksudkan sekadar membantu memberikan buah2 fikiran yang hanya di-sampaikan dengan chara berdialog sahaja, tetapi yang lebih penting lagi ia-lah bantuan melalui penyampaian fikiran yang di-luahkan melalui tulisan2 yang lebih ilmiah baik yang menyentuh tentang bahasa, sastera mahupun budaya yang mempunyai banyak cabang dan ranting-nya.

Di-sepanjang penerbitan Bahana dari bilangan 1 hingga 10 dapat lah di-katakan bahawa artikel2 yang termuat di-dalam-nya amat kurang yang di-usahakan oleh penulis2 tempatan, walaupun semakin meningkat bilangan anak2 tempatan yang berilmu dalam berbagai2 jurusan. Bukan pula tujuan kita untuk memestikan kaum intelek kita menulis artikel2 untuk di-muat ka-dalam Bahana dan Beriga, tetapi sa-bagai sa-orang atau orang2 yang berilmu maka keilmuan dan kejuruan mereka itu harus-lah di-chari tempat penyaluran-nya jika mahu di-hidangkan kepada raayat yang sedang di-dalam kehausan ilmu. Memang di-akui bahawa kesekoran kerana tugas2 pejabat tidak banyak memberikan kesempatan untuk membuat kerja2 lain, tetapi apa-kah mengorbankan sedikit masa untuk menulis artikel2 keilmuan sa-lepas masa pejabat itu tidak dapat di-katakan satu bakti kepada bangsa?

TAU ABIS KITA?....

Dalam keluaran yang lalu kami telah mencheritakan bagaimana mularnya Awang Alak Betatar menjadi Sultan Mohammad ia-itu Sultan Negeri Brunei yang pertama memeluk Ugama Islam. Kali ini para pembacha akan dapat mengikuti kisah selanjut-nya.

Oleh: DG. NAFISAH HAJI ALI

MENURUT sa-buah cherita lama dan sa-bagaimana yang terdapat dari ukiran pada sa-buah batu Makam Di-Raja dahulu yang di-kenali sa-bagai Makam Damit, bahawa adinda kepada Sultan Mohammad yang bergelar Bendahara Pateh Berbai telah kahwin dengan adek perempuan kepada Ong Sum Peng, sa-orang ketua angkatan China yang menduduki Kinabatangan di-daerah utara Borneo dalam tahun 1375.

Dan menurut cherita-nya juga, Ong Sum Peng berserta pengikut2-nya telah sama di-Islamkan semasa mereka berada di-Brunei. Ong Sum Peng dan pengikut2-nya pernah menyumbangkan tenaga mereka kepada Kerajaan Brunei dengan membantu dalam pembinaan Kota Batu yang di-hajatkan oleh baginda Sultan Mohammad, sa-bagai benteng atau kubu pertahanan bagi melindungi Brunei dari serangan2 musuh dan juga sa-bagai langkah persiapan Brunei untuk berdikari dan tidak lagi bergantung kepada kekuasaan Negeri China untuk menjaga keselamatan negeri yang berdaulat itu.

Dalam pemerentahan Sultan Mohammad juga sa-orang bangsa Arab dari Taif, keturunan Nabi Mohammad s.a.w., pancharan dari Saidina Hussein yang bernama Sharif Ali Mufaqih Muqaddam datang ka-Brunei untuk mengembangkan Ugama Islam. Kerana tertarek Sultan Mohammad akan orang-nya Sharif Ali itu, maka beliau di-kahwinkan oleh baginda dengan puteri saudara baginda ia-itu anak kepada Bendahara Pateh Berbai.

Apabila Sultan Mohammad mangkat, baginda di-ganti oleh Bendahara Pateh Berbai yang bergelar Sultan Ahmad. Dan apabila Sultan Ahmad mangkat, Takhta Kerajaan Brunei di-serahkan kepada Sharif Ali, sa - bagai membalas jasanya dalam mengembangkan Islam di-Brunei dan juga atas permintaan raayat seluroh negeri yang sayang pada-nya. Sharif Ali menjadi Sultan Brunei dengan gelaran Sultan Berkat Sa-telah menjadi Sultan pun baginda maseh terus bergiat dalam mengembang dan mamajukan ajaran2 Islam di-Brunei, Baginda memulakan pembinaan masjid di-Brunei dan baginda sendiri mengim-

amkan jemaah2 yang ikut sembahyang di-masjid itu serta baginda menanamkan semangat keislaman dalam khutbah2 sharahan yang selalu baginda berikan semasa hendak menuaikan sembahyang fardhu Juma'at.

Sa-telah Sultan Berkat mangkat, putera baginda, Sultan Sulaiman meneruskan usaha ayahanda baginda dalam mengembangkan ajaran2 Islam. Baginda pula berpendapat, bukan sahaja didekan Ugama Islam yang perlu diperkukuhkan, tetapi ketegohan pertahanan negeri juga perlu di-perbaiki. Dengan itu baginda pun memerintahkan raayat membangunkan sa-buah kota di-Kuala Sungai Brunei, gunanya juga bagi mempertahankan Brunei dari serangan perompak2 lanun yang sedang mengganas di-laut China pada masa itu. Oleh kerana dasar sungai bahagian tapak kota itu terlalu dalam, maka kerja untuk menyiapkan kota itu memakan masa yang panjang hinggalah pada masa kemangkatan Sultan Sulaiman pun kerja membena kota itu belum lagi selesai.

Usaha untuk menyiapkan kota itu di-teruskan oleh Sultan Bolkiah putera kepada Sultan Sulaiman. Sultan Bolkiah inilah yang mashor dengan gelaran Nakhoda Ragam kerana kegagahan baginda dalam perjuangan2 di-laut.

Sultan Bolkiah yang terkenal sa-bagai pengembara laut yang gagah itu pernah belayar ka-negeri Jawa dan Melaka dan dalam pengembaraan baginda itu baginda telah berjuang hebat di-Borneo, Filipina dan Sulu serta berjaya menaklok Manila. Menurut cherita-nya nama pulau2 yang pernah di-lawati oleh baginda itu hingga sekarang satu persatu-nya mengambil nama sempena sa-tiap peristiwa penting dalam pelayaran baginda itu. Dan ada pula sa-buah cherita yang mengesahkan bagaimana Sultan Bolkiah mula belayar dengan membawa sa-gantang biji lada putih dan berjanji tidak akan pulang sa-hingga baginda dapat menamakan sa-tiap biji lada itu dengan nama sa-tiap pulau yang akan baginda lalui.

Isteri Sultan Bolkiah ia-lah sa-orang puteri Jawa bernama Lela Menchanai, puteri Raja Sulu yang pengikut2-nya pula berkahwin dengan orang2 Bru-

nei. Dan menurut cherita-nya, pengikut2 permaisuri itu-lah yang mula2 memperkenalkan di-Brunei akan sistem penanaman padi yang lebih baik daripada chara penanaman padi yang sedia di-gunakan oleh petani2 Brunei sendiri pada waktu itu.

Ini-lah zaman gemilang bagi Brunei, yang mana kerajaan Islam-nya mena'alokj seluroh negeri yang kini di-panggil Sarawak dan Borneo Utara. Kekuasaan Brunei meluas hingga ka-lain2 bahagian Borneo yang meliputi Sambas, Kotaringin, Pontianak, Koti, Pasir, Barau, Tuli2, Banjar dan Bolongan, sa-terus-nya melingkongi perpulauan Sulu, perpulauan Balabak, Banggi, Balambangan, Mantanani dan hingga kahujung barat laut Pahlawan.

Sultan Bolkiah, pada masa lanjut-nya usia baginda telah memerintahkan pegawai2 baginda mengumpulkan tukang2 batu dan ahli2 ukir negeri untuk membuat makam2 di-raja di-bahagian2 jauh di-perpulauan nusantara. Ada-lah menjadi wasiat baginda, jika baginda mangkat dalam pelayaran, hendak-lah baginda di-makamkan di-makam yang paling hampir di-situ.

Sa-buah daripada makam2 yang di-bena itu di-katakan ia-lah makam Al-marhum Sultan Bolkiah yang pertama itu. Tetapi sayang-nya makam yang berukir indah dan halus buatan-nya itu telah menjadi hancur musnah oleh senjata perang Spanyol semasa Brunei di-serang dalam abad ke-17. Apa yang tinggal bekas makam di-raja itu hanya-lah tapak makam yang musnah itu dan segala apa yang terukir pada batu makam yang indah itu tetap tinggal sa-bagai rahsia kapada generasi2 baru.

Ada-lah di-anggarkan pada masa pemerentahan Sultan Bolkiah yang pertama itu dalam tahun 1521, sa-orang ahli sejarah Itali yang mengikut Magallen mengelilingi dunia telah singgah di-Brunei.

Sewaktu ia dan rombongan-nya tiba di-Brunei, mereka telah di-sambut dengan penoh adat istiadat kehormatan yang rapi dan terator. Semasa Pigafetta menziarahi Istana Sultan ia kagum dengan keagongan-nya. Ia bagitu tertarek hati dengan keadaan dalam Istana Sultan, yang mana me-

(Lihat Muka 5)

ZAMAN GEMILANG BRUNEI

WAWANCHARA MENGENAI MASAALAH PELAJARAN MELAYU

DALAM menghadapi tahun 1970 ini, Jabatan Pelajaran sedang menempoh berbagai2 masalah yang rumit, termasuk mengenai dengan kekurangan guru2 yang berkelayakan terutama yang di-untukkan di-sekolah2 menengah di-negeri ini. Bertambah-nya bilangan murid2 baru di-seluruh sekolah2 Melayu juga merupakan satu kemestian yang di-hadapi sa-tiap tahun.

Dalam Ranchana Nusantara Radio Brunei yang di-siarkan baru2 ini, terdapat sa-buah wawanchara antara penerbit-nya Dayang Zainab Haji Zainal Abidin dengan Pemangku Pengelola Pelajaran Melayu, Awang Md. Husain bin Md. Yusof atas masalah2 pelajaran yang tersebut di-atas.

Penting-nya di-ketahui dengan lebeh berkesan lagi, maka berikut ini kami siarkan hasil dari wawanchara itu.

Soalan:

Berapa banyakkah murid2 baru yang masok bersekolah pada tahun 1970 ini?

Jawapan:

Masa ini maseh dalam minggu penerimaan bagi awal tahun persekolahan tahun 1970. Sebab itu belum-lah saya dapat memberi angka yang tepat, tetapi walau bagaimana pun sudah tentu tidak kurang dari 2,272 orang ia-itu saperti yang kita terima dari pendaftaran ibu-bapa yang menyekolahkan anak2 mereka tahun ini. Banyak pula ibu-bapa yang mendesak minta di-terima anak2 mereka yang berumur kebawah dari 5½ tahun pada 1 Januari, 1970, tetapi kita sangat dukachita tiada dapat menerimanya.

Soalan:

Dengan jumlah yang begitu banyak, berapa ribukah jumlah semua-nya murid2 di-sekolah2 Melayu yang ada di-Negeri Brunei ini?

Jawapan:

Sa-telah kita tolak yang masok Sekolah Inggeris Kerajaan sa-ramai 1,579 orang dan yang pindah ka-Sekolah Arab 25 orang serta terpileh lagi 10 orang melanjutkan pelajaran ka-Singapura, maka tinggal-nya ada-lah 20,360 orang. Jumlah ini ada-lah termasuk murid2 Sekolah Menengah.

Soalan:

Berapa buah semua-nya sekolah2 Melayu yang ada di-negeri ini?

Jawapan:

Dengan mulai-nya belajar di-dua buah lagi bangunan baharu pada 12 Januari, 1970 Sekolah Menengah Melayu di-Jalan Muara dan pada 14 Januari, 1970 di-Sekolah Melayu Kampong Setia di-Kampong Ayer, maka jumlah sekolah2 Melayu sekarang ia-lah 102 buah termasuk Sekolah Menengah Melayu.

Soalan:

Bagaimanakah masaalah guru? — adakah menchukupi untok mengatasi masaalah2 pelajaran bahagian Melayu di-negeri kita ini?

Jawapan:

Boleh di-katakan sekarang kita tidak begitu kekurangan sangat, tetapi apa yang menjadi masaalah yang maseh belum sempurna ia-lah "guru2 yang terlatah", terutama di-bahagian Pelajaran Menengah Melayu. Hingga masa ini kita terpaksa menggunakan "guru2 yang mempunyai kelayakan mengajar di-Sekolah2 Rendah sahaja", tetapi mereka itu adalah kita pileh dari guru2 yang mempunyai akademik yang baik serta berpengalaman.

Soalan:

Berapa orangkah jumlah guru2 yang mengajar di-sekolah2 Melayu pada masa ini, termasuk-lah yang sedang menjalani latehan?

Jawapan:

Masa ini kita ada 998 orang yang sedang bertugas dan ada 108 orang lagi sedang menjalani latehan tahun akhir untok Guru2 Sekolah Melayu sahaja dan mereka ini mungkin akan dapat berkhidmat samula pada awal tahun 1971.

Soalan:

Berchakap mengenai dengan kekurangan guru2 di-negeri ini, maka apakah usaha2 Kerajaan untok mengatasi-nya terutama yang akan di-untukkan di-sekolah2 Menengah?

Jawapan:

Kita telah berusaha meminjam guru2 dari negara jiran kita. Tahun lepas kita dapat 10 orang dari Singapura dan tahun ini kita akan chuba menchari lagi. Di-samping itu, Jabatan Pelajaran juga sedang memenohi Maktab Perguruan dengan menggalakkan penuntut2 yang lulus S.C. atau SPM dan G.E.C. supaya mahu berlatah menjadi guru. Awal tahun ini kita dapat 13 orang. Mereka semua-nya di-tempatkan di-Sekolah2 Menengah Melayu dan bilangan ini di-jangka akan bertambah lagi di-tahun hadapan.

Soalan:

Berapakah peruntukan perbelanjaan bagi Jabatan Pelajaran tahun 1970 ini?

Jawapan:

Peruntukan keseluruhan-nya ia-lah sa-banyak \$21,209,326.00 dan dari jumlah ini Bahagian Pelajaran Melayu sahaja ia-lah sa-banyak \$7,326,173.00 dan untok bahagian rendah ia-lah sa-banyak \$4,409,600.00.

Soalan:

Apakah projek besar Jabatan Pelajaran yang di-jangka dapat di-gunakan dalam tahun 1970 ini?

Jawapan:

Awal tahun ini kita sudah mulai menggunakan sa-bahagian dari bangunan Sekolah Menengah Melayu di-Jalan Muara. Begitu juga Sekolah Angerek Desa yang termoden sekali telah di-pakai bila saja persekolahan di-mulakan tahun ini. Lain2 sekolah tambahan di-Kuala Belait dan Seria ia-itu Sekolah2 Melayu telah pun di-isikan. Manakala yang besar2 saperti Sekolah Inggeris di-Tutong dan di-Kuala Belait sudah juga di-mulakan. Seko-

lah Pertukangan di-Kuala Belait dan Brunei juga akan digunakan tidak lama lagi. Sa-buah hostel di-Bangar yang boleh menampung sa-ramai 60 murid akan siap tidak lama lagi. Dua buah Rumah pangsa bagi guru2 di-Kuala Belait akan di-isikan segera dan 5 buah rumah2 untok guru2 di-Kampong Perpindahan Bera- kas juga sudah siap. Di-Pengkalan Batu juga ada tambahan sekolah dan pembenaan sa-buah rumah guru. Ini telah pun di-gunakan. Manakala Maktab Perguruan Baharu di-Gadong sedang giat di-kerja-kan dan sa-buah sekolah baharu untok menggantikan bangunan Sekolah Melayu Gadong yang tua itu. Ada satu lagi saya ingat, ia-itu Kampong Limau Manis juga telah mendapat bangunan Sekolah dan rumah guru kekal dan sudahpun mulai di-pakai tahun ini. Begitu juga Sekolah Melayu Pengkalan Batu telah di-tambah serta sa-buah rumah guru.

ZAMAN GEMILANG BRUNEI

(Dari Muka 4)

nurut-nya tingkap dan pintu-nya di-hiasi dengan tirai sutera, dan kain2 tenunan. Perhatian-nya juga tertarek pada kelengkapan pegawai2 di-Istana Sultan itu yang memakai kain dari benang emas dan sutera, sambil membawa sa-bilah keris yang berulu emas bertatah mutiara dan batu permata.

Sepanjang jalan dari rumah bendahara ka-Istana itu, di-kawal rapi oleh pengawal2 keselamatan Istana yang lengkap dengan keris, lembing dan perisai (shield). Pigafetta mencheritakan juga bagaimana ia dan rakan2-nya di-jamu di rumah Bendahara dengan hidangan yang lazat2 beralat-kan pinggan mangkok tembikar serta sudu emas.

Ia begitu kagum dengan keagongan adat tata tertib di-Balai Pengadapan dan menyatakan tentang ketinggian kebudayaan Brunei.

Pigafetta menggambarkan keadaan Brunei ketika itu sa-bagai sa-buah bandar yang di-

dirikan di-ayer, sapertimana Kampong Ayer yang ada sekarang. Hanya bahagian Istana Sultan dan kediaman2 pembesar2 dan penghulu2 saja di atas darat, di-kawasan yang sekarang di-panggil Kota Batu. Pigafetta juga menchatekan tentang sering-nya kedengaran bunyi tembakan meriam yang mengisaratkan waktu2 tertentu bagi pekerjaan sa-hari2 di-raja, saperti bangun dari tidor, bersiram, bersantap dan beradu. Ini jelas membuktikan bahawa kota Brunei dalam masa Pigafetta itu ada-lah sa-buah tempat yang kaya dengan keagongan adat budaya-nya.

Menjelang abad ke-19, kebudayaan yang tinggal pada kota yang makmor itu hanyalah seni tukang perak dan tenunan kain songkit, tetapi seluruh Negeri Brunei tetap juga Darus-salam.

Bahan rojokan dalam renchana ini di-padankan dari buku Sejarah Brunei karangan Yura Halim dan A. Jamil Umar dan "A Sketch of the History of Brunei" oleh H. R. Hughes Hallett dari Malayan Branch Royal Asiatic Society.

Bekas bilek bachaan JPP di-jadikan Pusat Belia

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah menyerahkan bekas bilek bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait kepada Majlis Belia2 Daerah Belait dalam satu upacara yang telah di-adakan di-bangunan itu pada hari Juma'at lepas.

Dalam ucapan beliau sebelum upacara penyerahan itu, Awang Haji Ali Khan menyatakan bahawa salah satu tujuan kerajaan ia-lah memberi dan menyediakan kemudahan2 supaya belia2 dan kanak2 mendapat perkhidmatan perubatan dan pelajaran per-chuma.

Beliau menyatakan bahawa kerajaan juga memberikan bantuan kebajikan kepada orang2 yang benar2 memerlukan-nya.

Awang Haji Ali Khan berharap Majlis Belia2 Daerah Belait akan menggunakan pusat itu dengan sa-baik2-nya untuk mencapai tujuan dan matalamat pergerakan belia di-daerah itu.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Awang

Ya'akub bin Ahmad, Setia Usaha MBB, Awang Mohd. Yassin bin Mohd. Said, wakil dari Jabatan Kebajikan dan Awang Hassan Louis, Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Daerah Belait.



AWANG HAJI ALI KHAN



Gambar menunjukkan Pengurus Majlis Pengakap Negeri Brunei, Awang Mohd. Suni bin Haji Idris sedang menerima bendera Negeri Brunei dari wakil rombongan pengakap yang telah mengha-Jambori di-Thailand baru2 ini.

Upacara tersebut telah berlangsung di-tambatan kastam sa-jurus ketibaan rombongan tersebut dari Labuan.

Bendera tersebut telah di-serahkan kepada rombongan tersebut oleh Pesuruhjaya Kebajikan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri di-tambatan kastam sa-jurus sa-belum rombongan itu berlepas ka-Thailand.

Sa-ramai 60 orang guru dan pengakap Brunei telah menghadiri jambori tersebut yang telah di-adakan di-Cheng Mai sa-lama sa-minggu dalam bulan Disember lepas.

Lebeh 4,700 orang murid di-Sekolah2 persediaan Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Lebeh dari 4,700 orang murid sekarang ini belajar di-kelas2 persediaan sekolah2 Inggeris kerajaan di-seluruh negeri.

Ini termasuk 1,650 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan Tionghwa yang masuk belajar di-sekolah2 Inggeris pada hari Rabu lepas.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, sa-buah sekolah persediaan di-adakan di-Padang Maktab SOAS untuk menampung murid2 dari kawasan Bandar Brunei.

Kata - nya, guru besar sekolah baru itu juga akan mengawal mata pelajaran kelas2 persediaan Inggeris di-sekolah2 Melayu Sengkurong; Amar Pahlawan; Anggerek Desa Baru; Kilanas; Muara dan Bangar.

Juruchapak itu berkata, setelah lulus persediaan tiga, murid2 lelaki dari sekolah2 tersebut akan di-pindahkan ke-Maktab SOAS, sementara murid2 perempuan ka-Sekolah

Tinggi Perempuan Raja Isteri untuk melanjutkan pelajaran peringkat menengah.

Murid2 menengah Satu di-kelas2 persediaan Inggeris di-Tutong akan belajar di-sekolah Inggeris Tutong.

Sekolah2 menengah dan persediaan di-Kuala Belait pada masa ini memberikan pelajaran kepada murid2 hingga tingkat-tiga, dan selepas lulus peperiksaan sijil rendah pelajaran mereka akan di-hantarkan belajar di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Mashuarat agong sharikat Perniagaan Ra'ayat Melayu Kg. Belimbing

BANDAR BRUNEI. — Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara Awang Yunus bin Mohamed Hussain telah merasmikan mashuarat agong Sharikat Perniagaan Raayat Melayu Kampong Belimbing dekat Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Dalam ucapan-nya sa-belum merasmikan mashuarat itu, beliau telah menyatakan harapan-nya supaya persatuan tersebut akan terus menjalankan usaha-nya bagi meninggikan lagi taraf hidup penduduk2 di-kampung itu.

Awang Yunus berkata, adalah di-harapkan juga mashuarat itu membuat ranchangan dan merangkakan usaha2 bagi faedah ahli2-nya di-masa2 akan datang.

Beliau juga menyeru pendu-

duduk2 di-Kampong Belimbing supaya menjauhkan segala anasir2 yang tidak di-ingini dan hendak-lah patoh dan sentiasa taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri dan kerajaan baginda.

Di-antara yang turut berucap ia-lah Awang Mohammad Yassin bin Mohammad Said wakil Jabatan Kebajikan.

Awang Mohamed Yassin dalam ucapan-nya antara lain berkata bahawa kerajaan telah menyediakan peluang untuk raayat di-negeri ini menyertai dalam bidang perniagaan.

Beliau menambahkan beberapa orang belia telah di-hantarkan ka-seberang laut untuk mempelajari pentadbiran perniagaan.

Rekrut AMDB mula berlateh

BERAKAS. — Sa-ramai 107 orang rekrut baru AMDB telah memulakan latehan mereka minggu ini.

Rekrut2 itu ada-lah kumpulan pengambilan yang ke-20 orang2 baru bagi pasokan itu.

Dalam masa enam bulan yang pertama rekrut2 akan menjalani kursus latehan asas di-ikuti oleh latehan selama tiga bulan lagi.

Semasa menjalani kursus itu rekrut2 itu akan mempelajari chara berbaris, latehan senjata, tektik berperang, menembak dengan peluru betul, perang hutan dan ketenteraman awam.

Sa-lepas menamatkan latehan, rekrut2 itu akan di-tugaskan ka-berbagai kompeni pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Persatuan Bernang di-tubuhkan

BANDAR BRUNEI. Sa-buah Persatuan Bernang Amateur telah di-tubuhkan di-Brunei.

Dalam satu mashuarat yang di-adakan di-pejabat Kolam Bernang baru2 ini, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah di-pilih sebagai Yang Di-Pertua, sementara Awang Kuan Huah Oong sa-bagai setiausaha persatuan itu.

Awang Kuan berkata sa-buah jawatankuasa kecil telah di-bentuk untuk mengubal undang2 dan peratoran2 persatuan itu.

Beliau menyatakan bahawa tujuan menubuhkan persatuan itu ia-lah untuk memperbaiki taraf sokan bernang di-negeri ini dan menggalakkan belia2 dan orang2 dewasa menggunakan sa-penuh kemudahan2 kolam bernang yang di-sediakan oleh kerajaan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei. (12 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah ber-umur antara 16 dan 19 tahun.
- Mesti-lah lulus peperiksaan Cambridge School Certificate dengan mendapat kepujian dalam

Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris atau pun lulus peperiksaan G.C.E. Peringkat biasa dalam Ilmu Hisab, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak

\$260.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$240 x 10 — 270 dengan satu kenaikan gaji sa-banyak \$10.00.

Chalon2 yang berjaya akan di-beri latihan selama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang laut. Sesudah berjaya menamatkan latihan ini chalon2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dengan gaji permulaan sa-banyak \$460 sa-bulan dalam sukatan gaji \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Chalon2 yang tidak berjaya menamatkan latihan dua tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dengan gaji sebanyak \$270.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 4800EB/500 x 20 — 620.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Februari, 1970.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Kerani Tingkatan 'A'

dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan selama sekurang2-nya lima tahun untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas.

2. Chalon2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kepada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 8hb. Februari, 1970. Ketua2 Jabatan, semasa menghadapi permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan laporan2 sulit berhabat dengan pegawai2 ini serta dengan menyatakan tugas2-nya sekarang serta kebolehan2 mereka untok di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantar-kan.

Kursus latehan di-Sekolah2

Pertukangan Kerajaan

(a) Sekolah Pertukangan Pembinaan Batu 5, Jalan Muara, Brunei.

(b) Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Jalan Setia Pahlawan, Kuala Belait.

lam aliran Inggeris maupun dalam aliran Melayu.

Borang2 permohonan bagi memasuki kedua2 sekolah pertukangan ini boleh di-perolehi daripada:

Penyusun Pelajaran Teknikal, Ibu Pejabat, Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei, atau

Pengetua, Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Borang2 yang sudah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Penyusun Pelajaran Teknikal, Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei sa-belum 31 Januari, 1970.

Kursus2 latehan yang penoh selama tiga tahun, dengan di-sediakan tempat tinggal akan dapat di-perolehi manakala sekolah2 tersebut di-atas di-buka dalam bulan April tahun ini.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada penuntut2 lelaki yang mempunyai keraayaan Negeri Brunei dan mereka hendak-lah sudah menamatkan pelajaran menengah Tingkatan Tiga sama-ada da-

Sa-bagai Peon

Permohonan2 ada - lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3 EB4-5 \$160 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240 x 10 — 270.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Januari 1970.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



Hamba menghilang sabener-nya terlantar beberapa hari, * Senak, sakit di-dada kanan tiada terperi (bukan TB);
* Kini hamba bershukor ka-badzrat illahi, * Dapat berjumpa semula dengan peminat yang di-kasehi.

Istiadat2 mengurniakan gelaran Cheteria

(Dari Muka 1)

jaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Pada hari Isnin, 19 Januari, Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera kepada Yang Mulia Pengiran Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Momin.

Istiadat tersebut telah berlangsung di hadapan pembesar2 negara termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Chiri gelaran dalam istiadat tersebut di-bachakan oleh Yang Di-Mulikan Pehin Khattib Awang Haji Abdul Hamid.

Gambar bawah menunjukkan Y.A.M. Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin, dengan di-apit oleh Y.A.M. Pengiran Kerma Negara, Pg. Anak Abdul Wahab (kiri) dan Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh, sedang menjunjung sembah kepada D.Y.M.M. atas pengurniakan gelaran tersebut.



BRUNEI DI-ANCHAM KOLERA

(Dari Muka 1)

Pengaruh Perubatan itu juga meminta orang ramai supaya mengambil langkah2 kesihatan yang ketat dan berusaha sa-besarnya untuk mendapatkan suntikan mencegah penyakit kolera.

Semua orang dari Daerah Brunei Muara yang hendak pergi ka-Tutong dan Belait adalah di-kehendaki membawa sijil kolera yang sah.

Semalam, Rumah Sakit Besar,

Bandar Brunei telah di-banjiri orang ramai untuk mendapatkan suntikan2. Hari ini pusat2 suntikan tambahan akan di-adakan di-klinik2 di-Kampong Perpindahan dan Kg. Ayer.

Rombongan perubatan yang menggunakan helikopter akan memberikan suntikan2 kolera di-kampong2 pedalaman.

Palang Merah di-Bandar Brunei telah menempatkan 50 orang anggota-nya dalam keadaan bersiap sedia.

M.B.B. TIDAK KENAL FAHAMAN2 KEDAERAHAN — Awang Yaakub



AWANG YAAKUB

Kaum intelek di-seru supaya menyalorkan ilmu mereka

(Dari Muka 1)

Mengenai dengan penyaloran, beliau menafikan anggapan2 yang menekankan bahawa penyaloran di-negeri ini tidak memberikan peluang untuk penulis2 muda menyalorkan karya2 mereka, termasuk melalui majalah2 yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Beliau mensifatkan timbulnya anggapan itu ia-lah dari perangai yang tidak mau meneliti hakikat yang sabenarnya.

"Majalah Bahana dapat-lah di-anggap sa-bagai sa-buah majalah yang memberikan dorongan2 kepada penulis2 tempatan untuk menyalorkan bahan2 penulisan mereka. Beberapa buah karya penulis2 muda di-negeri ini sama ada cheryen, sajak dan artikel2 yang mempunyai nilai dan mutu

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad telah menafikan dengan sakeras2-nya desas-desus yang mengatakan MBB mengamalkan fahaman2 pilih kaseh dan kedaerahan dalam memilih wakil2-nya ka-persidangan2 luar negeri.

Beliau menekankan bahawa Majlis Belia2 tidak pernah melakukan dan tidak sekali2 berniat untuk membuat perkara2 yang tidak chuchok dengan Perlembagaan MBB.

Desas desus itu di-perchayai berpuncha dari pandangan2 yang di-kemukakan oleh sa-orang perwakilan dalam Kongres yang berlangsung pada 1

Januari lepas yang mensifatkan MBB tidak lurus dalam menjalankan tugas-nya terutamanya apabila memilih wakil2 MBB untuk menyertai persidangan2 luar negeri.

Beliau menegaskan bahawa MBB sentiasa memilih wakil2-nya keluar negeri mengikut kelayakan dan kebolehan mereka supaya dapat wakil2 itu menyampaikan imej MBB yang sa-benar-nya kepada wakil2 belia dari negara2 lain.

Walaumacham mana pun. Setia Usaha Agong MBB itu mengakui ada-nya pemilihan yang di-buat di-kalangan ahli2 Jawatankuasa Tadbir Pusat MBB untuk hadir dalam persidangan2 luar negeri.

"Ini, kata-nya, ada-lah disebabkan undangan2 yang telah di-terima itu tiba dalam masa yang singkat sa-hingga tidak ada kesempatan untuk mengadakan pemilihan2 di-kalangan ahli2 persatuan2 belia di-negeri ini".

Walau pun bagitu, tegas beliau, wakil2 yang hadir dalam persidangan2 luar itu ada-lah terdiri dari ahli2 jawatankuasa tadbir MBB yang benar2 difikirkan layak.

Penafian ini di-buat beliau dalam ucapan-nya di-upacara penyerahan bangunan bekas bilek bacaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Kuala Belait kepada Majlis Belia2 Daerah Belait untuk di-gunakan sa-bagai pusat pergerakan belia.

Penyerahan itu telah di-lakukan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan pada hari Juma'at, 16 Januari lepas.

Setia Usaha Agong itu juga telah membangkitkan tentang ada-nya suasana berkempin bagi memenohi 2 jawatankuasa tertinggi MBB dan mensifatkan keadaan itu sa-bagai baik.

Tetapi beliau berharap supaya keadaan yang demikian tidak akan menjadi puncha perpechahan sama sendiri.

Beliau juga telah mengumumkan bahawa MBB akan menghantar 10 orang perwakilan yang terdiri dari persatuan2 belia di-negeri ini untuk hadir dalam Perhimpunan Belia Sa-Dunia sempena EXPO 70 di-Jepun dalam bulan Julai ini.

Satu surat keliling akan di-ku-luarkan oleh MBB untuk menjemput persatuan2 belia yang bergabung dengan-nya bagi menghantar kan chalon2 yang akan hadir dalam perhimpunan itu.

penulisan telah di-terbitkan dalam majalah itu," tegas beliau.

Mana2 penerbitan pun, kata-nya, tidak akan menolak sa-buah karya yang bermutu dan bernilai tinggi.

Beliau juga telah menyatakan tentang chita2 Dewan Bahasa dan Pustaka yang sentiasa mendorong dan menggalakkan penulis2 muda di-negeri ini supaya lebih giat menulis dengan karya2 baharu dan menguasai chara penulisan yang terbaikk.

"Karya2 penulis muda yang di-hantar untuk di-siarkan ka-dalam majalah Bahana, hampir keseluruhan-nya mempunyai kechatchatan di-sana sini dan ada di-antara-nya tidak dapat di-katakan mempunyai nilai dan mutu yang baik", tegas beliau.

Beliau menegaskan lagi bahawa artikel2 yang di-pilih untuk di-siarkan terpaksa di-perbaiki samula oleh pegawai2 Dewan dan langkah ini ada-lah semata2 untuk membimbing penulis2 tempatan bagi menguasai chara penulisan yang baik.

Pengaruh Dewan Bahasa itu juga menyebut tentang kurang-nya penulis2 yang terdiri dari kaum intelek di-negeri ini, walaupun sudah dapat di-katakan ramai juga yang mempunyai ijazah2.

Orang2 seperti ini, kata-nya, di-harapkan dapat memberikan bantuan2 "keilmuan dan kejuruan" yang bukan hanya sa-chara berdallog sahaja, tetapi juga dari penulisan2 mereka.

"Kita amat kekurangan dengan penulis2 tempatan yang dapat memperkatakan satu2 perkara itu dengan lebih mendalam dan ilmiah dan kita tidak harus sa-lama-nya mengharap kan kepada artikel2 ilmiah yang di-tulis oleh orang lain".

Beliau menyeru kepada para bijakpandai dan penulis2 di-negeri ini supaya akan lebih giat lagi dengan usaha2 penulisan mereka demi untuk mendukung chita2 mendaulatkan bahasa, sastera dan budaya tanah ayer kita yang bukan hanya kita mengharap kan tenaga orang lain, tetapi usaha dan tenaga kita sendiri ada-lah di-utamakan.

"Ada-lah sukar bagi kita hendak melaksanakan sa-suatu chita2 jika kita minta sediakan daripada orang lain saja. Sa-suatu yang kita malsudkan itu hendak-lah sa-besarnya boleh kita laksanakan dengan dasar berdikari yang mana hasil dari usaha itu akan terus kita nekmati dengan tidak terchikir kepada orang tengah", ujar beliau.